

# KECEKAPAN PENGURUSAN SURAU ORANG ASLI DI SELANGOR DARI ASPEK KEWANGAN

Dr. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Dr. Zulkefli Hj Aini, Mohd Hakim Arshad,  
Ahmad A'toa' Mokhtar & Ahmad Fauzi Shahar  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

## ABSTRAK

*Pengurusan surau kebiasaannya diurus dan ditabdir oleh penduduk dan masyarakat setempat. Setiap organisasi dipantau oleh pihak berwajib bagi melahirkan masyarakat Muslim yang komited terhadap tadbir urus kewangan surau dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program pengimarahannya kepada semua lapisan masyarakat. Permasalahan kajian ini adalah berkaitan dengan kecekapan pengurusan surau Orang Asli dari aspek kewangan yang amat mendukacitakan bahkan keadaan surau-surau yang dibina di setiap perkampungan Orang Asli tidak digunakan dengan baik. Tujuan kajian ini diadakan ialah untuk mengenal pasti kecekapan pengurusan surau Orang Asli di Selangor dari aspek kewangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap prestasi kecekapan pengurusan surau Orang Asli dari aspek kewangan berada pada tahap tinggi iaitu nilai min 3.50. Walau bagaimanapun, kewangan merupakan cabaran utama dalam pengurusan surau Orang Asli di Selangor kerana masyarakat setempat kurang mengambil peranan terhadap pengukuhan dana surau khususnya dari aspek pembangunan dan dana pengimarahannya.*

**Kata Kunci:** Kecekapan, Pengurusan Surau, Orang Asli, Aspek Kewangan, Selangor

## 1.0 PENGENALAN

Masyarakat Orang Asli adalah dikategorikan sebagai kaum bumiputera di negara ini. Mereka adalah kaum minoriti. Kerajaan telah memberikan perhatian khusus dalam menjaga hal ehwal mereka dengan meletakkan Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli (JAKOA) sebagai pihak yang bertanggungjawab mengurus dan membangunkan komuniti Asli. Mengikut Akta 134 (Akta Orang Asli) mendefinisikan Orang Asli seperti berikut:

- i. Mana-mana orang yang bapanya ialah daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau
- iii. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli

Mengikut bancian tahun 2010 bilangan Orang Asli ialah 178,197 orang. Dari segi taburan penempatan masyarakat Orang Asli 38% di kawasan pedalaman, 61% di kawasan pinggir dan 1% di kawasan bandar. Mereka terdiri daripada tiga suku bangsa iaitu Negrito,

Senoi dan Melayu-Proto. Tiap-tiap tiga suku bangsa ini pula dipecahkan kepada enam suku kaum yang mana mereka bertutur dalam pelbagai bahasa selain daripada dialek Melayu tempatan (JAKOA 2011).

Masyarakat Orang Asli sememangnya kaya dengan pelbagai kebudayaan dan kesenian. Kehidupan mereka penuh dengan mistik dan kepercayaan kepada alam sekeliling. Seni ukiran kayu di antara aktiviti seni yang masih dipelihara sehingga kini. Seni ukiran kayu merupakan satu aktiviti untuk mengisi masa lapang dan turut digunakan semasa upacara ritual. Daripada 18 suku kaum masyarakat Orang Asli yang terdapat di negara ini, hanya suku kaum Mah Meri dan Jah Hut yang mendominasi seni ukiran kayu khususnya ukiran patung dan topeng (Muhammad Yusuf Marlon, et.al 2017).

## 2.0 TADBIR URUS SURAU (PENGURUSAN KEWANGAN)

Analisis deskriptif dijalankan bagi melihat dari sudut tadbir urus surau meliputi pengurusan organisasi, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti, pengurusan fasiliti, keberkesanan dan faktor mempengaruhi kecekapan tadbir urus kewangan surau. Jadual 1 adalah parameter bagi interpretasi skor purata kajian Prestasi Kecekapan Pengurusan Surau Orang Asli di Selangor:

Jadual 1 Interpretasi skor purata (Skala likert 5)

Skor purata	Interpretasi
1.00 hingga 1.89	Sangat rendah
1.90 hingga 2.69	Rendah
2.70 hingga 3.49	Sederhana
3.5 hingga 4.29	Tinggi
4.3 hingga 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)*. Kuala Lumpur.

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan Tadbir Urus Surau dari sudut pengurusan kewangan. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2 Tadbir Urus Surau (Pengurusan Kewangan)

BIL	PERKARA	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
1	Saya yakin segala sumbangan dana yang diterima oleh pihak surau diuruskan dengan baik	1 1.1%	6 6.6%	16 17.6%	38 41.8%	30 33.0%	3.98	Tinggi
2	Surau mempunyai akaun sendiri	0 0.0%	2 2.2%	24 26.4%	31 34.1%	34 37.4%	4.06	Tinggi

3	Segala transaksi melibatkan dana kewangan surau mesti melalui akaun surau	0 0.0%	3 3.3%	27 29.7%	28 30.8%	33 36.3%	4.00	Tinggi
4	Segala transaksi keluar kewangan mesti diputuskan melalui mesyuarat ahli jawatankuasa surau	0 0.0%	4 4.4%	24 26.4%	33 36.3%	30 33.0%	3.97	Tinggi
5	Dana surau yang digunakan untuk mengimarahkan surau adalah untuk kepentingan orang ramai	0 0.0%	3 3.3%	21 23.1%	34 37.4%	33 36.3%	4.06	Tinggi
6	Piha surau sentiasa mempamerkan penyata tahunan kewangan	4 4.4%	10 11.0%	33 36.3%	25 27.5%	19 20.9%	3.49	Sederhana
7	Maklumat wang kutipan bulanan dipaparkan kepada masyarakat umum	1 1.1%	5 5.5%	55 60.4%	24 26.4%	6 6.6%	3.31	Sederhana
8	Saya berpuas hati dengan penyata kewangan yang dibentangkan	1 1.1%	8 8.8%	40 44.0%	28 30.8%	14 15.4%	3.50	Tinggi
9	Saya merasa ragu-ragu dengan cara penggunaan dana yang diperoleh oleh pihak surau	6 6.6%	17 18.7%	41 45.1%	18 19.8%	9 9.9%	3.07	Sederhana
10	Pihak surau menyembunyikan penyata tahunan kewangan daripada penmgetahuan masyarakat umum	9 9.9%	24 26.4%	40 44.0%	11 12.1%	7 7.7%	2.81	Sederhana
11	Perbelanjaan dana surau sentiasa dipantau oleh juru audit	3 3.3%	7 7.7%	39 42.9%	29 31.9%	13 14.3%	3.46	Sederhana
12	Segala bil seperti bil air, api dan lain-lain dibayar tepat pada waktunya	0 0.0%	6 6.6%	40 44.0%	26 28.6%	19 20.9%	3.63	Tinggi

13	Api dan air di surau saya tidak pernah kena potong	0 0.0%	5 5.5%	29 31.9%	34 37.4%	23 25.3%	3.82	Tinggi
14	Terdapat banyak aktiviti surau yang membawa kepada pembaziran kewangan	12 13.2%	26 28.6%	39 42.9%	7 7.7%	7 7.7%	2.68	Rendah
15	Dana kewangan surau setiap bulan sentiasa ada baki	2 2.2%	4 4.4%	48 52.7%	25 27.5%	12 13.2%	3.45	Sederhana
16	Gaji dan elaun ahli jawatankuasa surau diberi tepat pada masanya	0 0.0%	4 4.4%	57 62.6%	19 20.9%	11 12.1%	3.40	Sederhana
17	Dana surau tidak mendapat sebarang peruntukkan daripada pihak berwajib	3 3.3%	9 9.9%	59 64.8%	11 12.1%	9 9.9%	3.15	Sederhana
18	Dana surau tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan bulanan	5 5.5%	10 11.0%	51 56.0%	13 14.3%	12 13.2%	3.18	Sederhana
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>3.50</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Soal selidik (2017)

Jadual 2 menunjukkan dapatan tadbir urus surau dari sudut pengurusan kewangan. Nilai min urus tadbir surau dari sudut pengurusan kewangan secara keseluruhan adalah 3.50. Ini bermakna tahap urus tadbir surau dari sudut pengurusan kewangan secara keseluruhan adalah berada pada tahap tinggi (rujuk interpretasi nilai min pada Jadual 1).

Jika dilihat secara terperinci bagi setiap pernyataan tahap urus tadbir surau dari sudut pengurusan kewangan, ia menunjukkan lapan item berada tahap tinggi iaitu Saya yakin segala sumbangan dana yang diterima oleh pihak surau diuruskan dengan baik (min 3.98), Surau mempunyai akaun sendiri (min 4.06), Segala transaksi melibatkan dana kewangan surau mesti melalui akaun surau (min 4.00), Segala transaksi keluar masuk kewangan mesti diputuskan melalui mesyuarat ahli jawatankuasa surau (min 3.97), Dana surau yang digunakan untuk mengimarahkan surau adalah untuk kepentingan orang ramai (min 4.06), Saya berpuas hati dengan penyata kewangan yang dibentangkan (min 3.50), Segala bil seperti bil air, api dan lain-lain dibayar tepat pada waktunya (min 3.63) dan Api dan air di surau saya tidak pernah kena potong (min 3.82).

Manakala terdapat sembilan item berada pada tahap sederhana iaitu Pihak surau sentiasa mempamerkan penyata tahunan kewangan (min 3.49), Maklumat wang kutipan

bulanan dipaparkan kepada masyarakat umum (min 3.31), Saya merasa ragu-ragu dengan cara penggunaan dana yang diperoleh oleh pihak surau (min 3.07), Pihak surau menyembunyikan penyata tahunan kewangan daripada pengetahuan masyarakat umum (min 2.81), Perbelanjaan dana surau sentiasa dipantau oleh juru audit (min 3.63), Dana kewangan surau setiap bulan sentiasa ada baki (min 3.45), Gaji dan elaun ahli jawatankuasa surau diberi tepat pada masanya (min 3.40), Dana surau tidak mendapat sebarang peruntukkan daripada pihak berwajib (min 3.15) dan Dana surau tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan bulanan min 3.18).

Terdapat satu item yang berada tahap rendah iaitu Terdapat banyak aktiviti surau yang membawa kepada pembaziran kewangan (min 2.68). dapatan kajian ini menunjukkan bahawa rata-rata masyarakat Orang Asli berpuas hati dengan urus tadbir surau dari sudut pengurusan kewangan dan setakat kajian yang dilakukan, tiada lagi aktiviti surau yang membawa kepada pembaziran wang.

Bagi pengurusan kewangan, pihak surau telah membuat kutipan dikalangan masyarakat Orang Asli dengan tidak menentukan berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk seorang. Akan tetapi, purata yang diperolehi dalam sebulan adalah RM 300.00 dan jumlah tersebut akan berubah mengikut musim dan keadaan sepertinya musim BRIM, musim buah dan lain-lain lagi. Tambahan lagi, pihak surau juga turut mempunyai satu akaun yang didaftarkan di bawah nama Surau Nurul Salam. Secara tidak langsung, kewangan yang diperolehi itu akan disimpan di dalam akaun tersebut. Kewangan yang diperolehi itu akan digunakan dalam menjalankan aktiviti yang dilaksanakan dan membantu masyarakat Orang Asli seperti pembayaran bagi proses pernikahan, kematian dan lain-lain lagi.

### 3.0 PERBINCANGAN

Kewangan merupakan antara perkara asas yang perlu ada pada sebuah organisasi. Ini kerana kewangan memainkan peranan penting pada mana-mana pengurusan seperti keagamaan, dakwah, jualan dan lain-lain lagi. Tanpa adanya kewangan yang kukuh, tidak mungkin sesebuah organisasi mampu untuk menjalani proses yang lebih ke hadapan.

Bagi surau di KOA, mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Ini sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap perancangan dan perjalanan aktiviti yang ingin dijalankan. Antara perkara yang telah dirancang ialah membina satu kawasan berbumbung, pembinaan sebuah pejabat, stor dan lain-lain lagi. Tanpa kewangan yang kukuh, perkara ini tidak dapat dijalankan.

“..cabaran kita..kewanganlah kan..katakanlah kita nak buat..macam sini tiada pejabat untuk surau, kita tiada pejabat untuk surau..untuk awning depan ni kita tiada..”

(Mat Said, 2017: Min 32.11; Hasyim Abdullah, 2017: Min 35.13)

Ini berbeza dengan masjid dan surau di luar kerana masjid dan surau di luar lebih senang dan mudah untuk memperoleh sumbangan berbentuk kewangan ataupun wakaf. Berbeza pula keadaannya di surau di bawah KOA, di mana mereka agak sukar untuk memperolehi bantuan samada berupa kewangan ataupun wakaf.

“..kalau masjid luar dan surau luar dia senang, orang boleh wakaf-wakaf..kita siapa nak wakafkan ni buat surau ni..”

(Ashrap Muhammad, 2017: Min 32.37)

Bagi mengatasi situasi kewangan yang berlaku, pihak surau KOA telah mengadakan satu kutipan kewangan dari orang ramai bagi pembangunan infrastruktur yang lengkap dan memudahkan masyarakat setempat. Antara cara lain yang digunakan bagi mengatasi masalah kewangan sebagaimana yang dilaksanakan pada bulan Ramadhan yang lepas. Di mana pada waktu itu pihak surau telah mewar-warkan kepada orang ramai dengan pengedaran flyers yang dilakukan melalui surat khabar bagi memohon sumbangan untuk majlis berbuka puasa. Selain itu, pihak surau juga turut mencari individu-individu yang mampu untuk memberikan sumbangan buat mereka dalam menjayakan segala aktiviti yang telah dirancang.

Selain membuat hebahan dengan mengedarkan flyers, pihak surau juga turut menggunakan kemudahan media sosial seperti Facebook dan telah mewujudkan satu lama rasmi seperti Surau Nurul Salam. Akan tetapi, penggunaan Facebook tidak digunakan secara meluas dalam mencari sumbangan kewangan. Antara sebab yang menghalang pihak surau untuk membuat pencarian sumbangan kewangan secara meluas adalah pantauan. Ini kerana Surau Nurul Salam telah didaftarkan di bawah JAIS dan JAKOA, secara tidak langsung sebarang tindakan yang dibuat tanpa kelulusan JAIS dan JAKOA akan memberikan kesan negatif kepada mereka, terutamanya pada tanggapan orang ramai. Berbeza pula sekiranya berada di bawah badan-badan bukan kerajaan (NGO) kerana mereka lebih mudah untuk mencari dan mendapatkan sumbangan daripada orang ramai. Oleh itu, sebagai sebuah surau yang berdaftar, mereka perlulah mengikuti prosuder dan protokol yang ditetapkan oleh badan-badan yang bertanggungjawab.

Halangan lain yang turut dihadapi oleh surau tersebut adalah ketiadaan peruntukkan zakat yang disediakan bagi tahun 2017 dan ini juga turut menyukarkan pihak Surau KOA untuk menjayakan perancangan yang telah disusun. Perkara ini telah dimaklumkan awal oleh pihak zakat kepada Surau KOA.

“..cuba mintak zakat hari itu, zakat untuk tahun ini tiada langsung..awal-awal lagi sudah diberitahu (kepada mereka)..pembangunan tiada langsung..”

(Ashrap Muhammad, 2017: Min 38.23)

#### **4.0 KESIMPULAN**

Berdasarkan kenyataan yang diberikan di atas, dapat disimpulkan bahawa pihak surau sangat komited dan berkomitmen dalam memberikan yang terbaik buat masyarakat Orang Asli, di mana mereka bukan sahaja memfokuskan kepada usaha-usaha dakwah di sana, bahkan turut juga di dalam memberikan satu perancangan dan pengurusan yang terbaik sehingga menghasilkan beberapa aktiviti. Di samping itu, ianya juga turut menghasilkan satu kesan yang positif dengan adanya kerjasama dari pihak Orang Asli dan juga badan-badan kerajaan dan juga korporat.

Berdasarkan maklumat di atas, pihak Surau KOA tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Antara sebab-sebab lain yang menghalang ialah ketiadaan peruntukan zakat, dikawal oleh badan-badan kerajaan seperti JAKIM, JAKOA dan JAIS dan lain-lain lagi. Akan tetapi, ini tidak membantutkan mereka dalam mencari sumber kewangan dalam menjayakan

aktiviti yang dirancang. Antara pengatasaan yang dilakukan adalah dengan mengedarkan flyers kepada orang ramai, memohon sumbangan daripada individu-individu dan sebagainya.

## **5.0 RUJUKAN**

Ashrap Muhammad. Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), KOATAR. Temubual pada 20 Februari 2017.

Haji Mat Said Bin Haji Awang, Bendahari, Surau Nurul Salam, KOATAR. Temubual pada 20 Februari 2017.

Hasyim Abdullah. Pengerusi Surau Nurul Salam, KOATAR. Temubual pada 20 Februari 2017.

Laporan JAKOA 2011.

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, et. al. 2017. Prestasi Kecekapan Pengurusan Surau Orang Asli di Selangor. RMC:KUIS.